

08/12/2000

Malaysia, Kerala kerjasama laksana lima projek bekalan air

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia akan bekerjasama dengan Kerala, negeri di selatan India, untuk melaksanakan lima projek termasuk pembangunan bekalan air kepada Pelabuhan Cochin.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu berkata, empat daripada lima projek itu membabitkan pembaikan dan pembinaan jalan di Kerala.

"Setakat ini, perbincangan mengenai maklumat terperinci projek itu sedang dijalankan. Projek itu akan dimulakan sebaik saja Malaysia mendapat surat tauliah daripada Kerajaan Kerala," katanya selepas menerima kunjungan hormat Ketua Menteri Kerala, E K Nayanar di pejabatnya di sini, hari ini.

Beliau berkata, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) akan mewakili Malaysia untuk melaksanakan projek terbabit. Samy Vellu berkata, Malaysia juga berminat menggunakan pakar di Kerala untuk mempertingkatkan pembangunan infrastruktur di Malaysia khususnya di ibu negara.

Selain itu, katanya, Kerala berminat bekerjasama dengan Malaysia dalam bidang pembangunan infrastruktur di negeri itu.

Sementara itu, Nayanar berkata, beliau berharap kedua-dua pihak dapat mengekalkan hubungan itu untuk kebaikan bersama dalam bidang pembangunan infrastruktur.

"Kedua-dua negara boleh bekerjasama membina infrastruktur termasuk jalan dan bangunan selain pembangunan industri," katanya lagi.

Turut hadir bersama rombongan Nayanar ialah isterinya, Sarada Nayanar; Menteri Kerja Raya Awam, PJ Joseph dan isteri, Dr Shanta Joseph; Ketua Setiausaha Jabatan Kerja Raya Awam, Babu Jacob serta Setiausaha Sulit kepada Nayanar, Muraleedharan Nair.

Rombongan itu akan mengunjungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya, Putrajaya esok.

(END)